Serentak dengan pelantikan tersebut, Mustafa melepaskan jawatan sebagai Komandan Kor Sukarelawan Polis Siswa-Siswi (SUKSIS) UUM. Sehubungan itu, Mustafa berkata" UUM akan mengenalpasti calon yang berwibawa untuk dikemukakan kepada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) supaya dapat dilantik sebagai Komandan Kor SUKSIS Universiti ini".

Semasa majlis tersebut, panglima TUDM, Jen.Tan Sri Dato' Sri Rodzali Daud turut berkongsi maklumat tentang peranan TUDM sebagai benteng pertahanan udara negara. Rodzali berkata "TUDM mengharapkan agar aktiviti PALAPES dapat melengkapkan mahasiswa dengan ilmu, kepimpinan, ketenteraan selain latihan mental dan fizikal".

Katanya lagi, "TUDM amat menggalakkan penyertaan pelajar terutamanya mereka yang mengikuti program Undang-Undang, Kejuruteraan dan Perubatan untuk menyertai kokurikulum PALAPES ini".

Tambah beliau, "usaha penyelidikan juga sangat penting untuk mengukuhkan institusi ketenteraan dan dalam hal ini semua Universiti boleh membantu untuk menjayakan program ini".

Turut menerima pemakaian pangkat dalam majlis tersebut ialah Rektor Universiti Islam Antarabangsa, Kolonel (K) Prof. Dato' Sri Dr. Syed Arabi Aidid, Pengarah Urusan Zetro Aerospace Corporation Sdn. Bhd. Dato Zamri Haji Muda dan Pengetua DPP Perwaja, Mej. (K) Haji Mohd Shahrin Haji Ahmad.

Hadir sama menyaksikan upacara ini ialah, Timbalan Panglima TUDM, Lt. Jen. Dato' Roslan Saad, Pegawai-Pegawai Tinggi TUDM, Ajutan PALAPES TUDM, UUM, Kapten Abdul Halim Athan serta Pegawai-Pegawai Kehormat TUDM dari Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Habis.

==========

DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my